

15 OCT 2003

MAHATHIR: MMC-GAMUDA ANTARA YANG CUBA DAPATKAN KONTRAK LANDASAN

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa sebuah konsortium yang diketuai Gamuda Bhd dan Malaysia Mining Corporation (MMC) berada dalam senarai untuk mendapatkan projek landasan berkembar menghubungkan Seremban dan Johor Baharu.

Bagaimanapun, "terdapat banyak perkara yang perlu diputuskan," kata Perdana Menteri semasa ditanya mengenai projek berkenaan di luar Forum Perniagaan OIC di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kontrak berkenaan, yang dikatakan sebagai kontrak infrastruktur terbesar tahun ini, "masih belum diluluskan."

Dalam satu laporan hari ini, MMC dan Gamuda dikatakan mendapat niaga janji AS\$3.8 bilion untuk membina sebahagian daripada landasan yang menghubungkan Singapura ke China selepas mendapat kelulusan kabinet.

Laporan itu menyebut usaha sama MMC-Gamuda berkemungkinan berkongsi projek landasan berkembar dengan Indian Railway Construction Company (Ircon) yang akan melaksanakan landasan di antara Ipoh ke Padang Besar.

Usaha sama MMC-Gamuda itu telah dikatakan akan melaksanakan projek Seremban-Johor Baharu.

-- BERNAMA

WNZ MR SD NHD RON